



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



---

# **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PUBLIC PRIVATE RESEARCH NETWORK PERINGKAT INSTITUSI**

---

**“Sharing Knowledge, Innovative Solutions”**

*For Malaysia, By Malaysian, In Malaysia*

# KANDUNGAN

## **BAHAGIAN 1 (MAKLUMAT UMUM)**

1.1	Pengenalan	3
1.2	Kumpulan Sasar	4
1.3	Skop	4
1.4	Objektif	4
1.5	Prosedur Pelaksanaan	5
1.6	Komitmen dan Mekanisme Pembiayaan Projek	5
1.7	Manfaat PPRN	6
1.8	Sekretariat PPRN	7

## **BAHAGIAN 2 (PERMOHONAN)**

2.1	Industri/Perusahaan	8
2.2	Penyelidik	9

## **BAHAGIAN 3 (PENILAIAN)**

3.1	Jawatankuasa PPRN	11
3.2	Projek yang tidak dipertimbangkan	11
3.3	Penaziran	12

## **BAHAGIAN 4 (PEMANTAUAN)**

4.1	Prestasi dan Pemantauan Projek	13
4.2	Prestasi Kewangan	14
4.3	Pelanjutan Tempoh Projek	15
4.4	Pengendalian Projek Bermasalah	16

## **BAHAGIAN 5 (KEPUTUSAN)**

5.1	Pemberitahuan Keputusan dan Pengagihan Peruntukan	18
-----	---	----

## **BAHAGIAN 6 (PERANAN)**

6.1	Peranan dan Tanggungjawab Industri/Perusahaan	19
6.2	Peranan dan tanggungjawab Penyelidik	20
6.3	Peranan dan Tanggungjawab Institusi	20

# BAHAGIAN 1

## MAKLUMAT UMUM

### 1.1 Pengenalan

- 1.1.1 **Public-Private Research Network** atau **PPRN** ialah inisiatif inovatif Kementerian Pendidikan Tinggi sebagai satu model kerjasama strategik antara industri dan akademia dengan sokongan perantara yang terdiri daripada Kementerian Pendidikan Tinggi dan agensi-agensi Kerajaan yang lain untuk meningkatkan produktiviti dan mengukuhkan pertumbuhan ekonomi Malaysia melalui program inovasi dan pengkomersilan yang berpacuan permintaan.
- 1.1.2 PPRN merupakan antara inisiatif di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) di bawah Teras Strategik 6: Merekayasa Pertumbuhan Ekonomi Untuk Peningkatan Kemakmuran yang bertujuan untuk menjana kekayaan melalui inovasi dengan memperkukuhkan kerjasama antara industri dan akademia melalui perantara.
- 1.1.3 Di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) [PPPM(PT)], PPRN adalah inisiatif di bawah Lonjakan 7: Ekosistem Inovasi yang bertujuan untuk membangunkan ekosistem inovasi dalam bidang strategik yang kritikal bagi pertumbuhan ekonomi negara dengan meningkatkan peranan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) sebagai penyelesaian masalah pelbagai pihak berkepentingan.
- 1.1.4 PPRN telah dilancarkan secara rasminya oleh YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri pada 24 Februari 2015.

## 1.2 Kumpulan Sasar

Kumpulan sasar bagi projek yang dilaksanakan oleh PPRN ialah industri/perusahaan pelbagai sektor ekonomi dan penyelidik tempatan (Ahli Akademik atau Ahli Bukan Akademik) dari Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dan Institusi Penyelidikan (RI)

## 1.3 Skop

Skop projek PPRN melibatkan inovasi produk dan inovasi proses sepertimana berikut:

- i. **inovasi produk** untuk menambahbaik atau menambah nilai produk sedia ada industri/perusahaan itu untuk keperluan pasaran; dan
- ii. **inovasi proses** untuk menambahbaik proses pengeluaran produk, komponen sumber, gudang, logistik, kaedah penghantaran atau perkhidmatan; menyelaraskan pengeluaran untuk menjadikannya lebih cekap dan efisien menggunakan *state-of-art technology*; dan meningkatkan skala pengeluaran.

## 1.4 Objektif

Berikut adalah objektif PPRN;

- i. Memperkasa hubungan jaringan awam swasta melalui penyelidikan inovasi daripada IPT kepada pengusaha perusahaan kecil dan sederhana (PKS);
- ii. Meningkatkan produktiviti PKS melalui adaptasi *state-of-the-art* atau teknologi yang bersesuaian; dan
- iii. Menggalakkan penyertaan ahli akademik untuk melaksanakan penyelidikan berasaskan permintaan (*demand driven*).

## 1.5 Prosedur Pelaksanaan

- 1.5.1 Industri/perusahaan yang mempunyai masalah boleh mendaftar projek kepada **Sekretariat PPRN di Kementerian** atau menerusi **Pusat Pendaftaran Permohonan Projek PPRN** di Peringkat Institusi pendidikan Tinggi berhampiran dengan mengisi Borang PPRN – B1. Sekiranya permohonan tersebut layak dan memenuhi skop projek, industri/perusahaan akan dijemput menghadiri Sesi Pemandanan dengan penyelidik di mana industri/perusahaan akan membentangkan permasalahan dan penyelidik pula akan membentangkan cadangan penyelesaian.
- 1.5.2 Jawatankuasa Penelitian dan Pemandanan PPRN yang terdiri daripada pakar dalam bidang-bidang tertentu akan mencadangkan pemandanan projek untuk kelulusan Jawatankuasa Teknikal PPRN. Surat Penawaran Projek akan dikeluarkan oleh Sekretariat setelah mendapat keputusan daripada Jawatankuasa tersebut.
- 1.5.3 Pihak industri/perusahaan dan penyelidik perlu menghantar Akuan Setuju Terima (PPRN – A2 dan PPRN – B2) tawaran tersebut dengan kos pembangunan projek adalah di bawah tanggungan industri/perusahaan dan Kementerian mengikut pecahan yang telah ditetapkan pada para 1.6.3. Carta alir pelaksanaan PPRN adalah seperti pada **Lampiran A**.

## 1.6 Komitmen dan Mekanisme Pembiayaan Projek

- 1.6.1 PPRN menawarkan geran pemandanan untuk projek inovasi berpacuan permintaan yang mana komitmen syarikat adalah berdasarkan saiz perniagaan masing-masing.
- 1.6.2 Saiz perniagaan industri/perusahaan ditentukan mengikut sektor perniagaan berdasarkan nilai jualan tahunan atau bilangan pekerja sepenuh masa, mana-mana yang lebih rendah sebagaimana

dinyatakan dalam garis panduan definisi baharu Perusahaan Kecil Sederhana yang dikuatkuasakan oleh SME Corporation Malaysia mulai 1 Januari 2014 seperti di Jadual 1 dalam **Lampiran B**.

1.6.3 Nisbah peratus pecahan komitmen antara PPRN dan industri/perusahaan adalah seperti berikut:

- i. PPRN : Syarikat bersaiz mikro = 90%:10%;
- ii. PPRN : Syarikat bersaiz kecil = 70%:30%;
- iii. PPRN : Syarikat bersaiz sederhana = 50%:50%; dan
- iv. PPRN : Syarikat bersaiz besar = 30%:70%.

## 1.7 Manfaat PPRN

Manfaat PPRN adalah kepada industri/perusahaan, penyelidik serta pihak kerajaan seperti berikut:

### 1.7.1 Industri/Perusahaan

- i. Permasalahan teknologi yang dihadapi dapat diatasi dan diselesaikan dengan bantuan pengetahuan dan kepakaran penyelidik tempatan secara berkesan dengan kos efektif dan cepat.
- ii. Produktiviti semakin meningkat dengan pengurangan kos operasi dan peningkatan pengeluaran melalui bantuan teknologi terkini.

### 1.7.2 Penyelidik

- i. Kepakaran dan pengetahuan teknologi dapat diaplikasikan secara terus kepada industri/perusahaan dengan kadar langganan yang tinggi dan memenuhi keperluan mereka kerana ia berpacukan permintaan (*demand driven*).

- ii. Pengalaman bekerjasama dengan industri/perusahaan boleh dijadikan sebagai input kajian kes dalam pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan kompetensi mereka sebagai tenaga pengajar.

### 1.7.3 Kerajaan

- i. Menggalakkan sektor swasta untuk turut sama menyumbangkan komitmen dalam penyelidikan, pembangunan dan inovasi (R&D&I) dan mengurangkan kebergantungan dana daripada Kerajaan.
- ii. Mewujudkan *knowledge friendly ecosystem* di Malaysia dapat dicapai secara berperingkat apabila pasaran pengetahuan teknologi semakin meluas dan jurang pengetahuan teknologi dalam kalangan industri/perusahaan dapat diminimumkan bagi membolehkan mereka terus bergerak atas rantai nilai ekonomi.

## 1.8 Sekretariat PPRN

Pendaftaran dan maklumat lanjut mengenai PPRN boleh berhubung terus dengan Sekretariat di Kementerian Pendidikan Tinggi sepertimana berikut:

Sekretariat PPRN  
d/a Unit Keusahawanan  
Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia  
No. Tel.: 03-8870 5101/6875/5085/6984/5090  
Emel : [pprn@mohe.gov.my](mailto:pprn@mohe.gov.my)  
Laman web : [www.pprn.mohe.gov.my](http://www.pprn.mohe.gov.my)

## BAHAGIAN 2

### PERMOHONAN

#### 2.1 Industri/Perusahaan

##### 2.1.1 Syarat Umum Permohonan

- i. Terbuka kepada semua perniagaan berdaftar di Malaysia yang mempunyai nilai jualan tahunan melebihi RM50,000;
- ii. Pemilikan majoriti warganegara Malaysia ( $\geq 51\%$ ) bagi perniagaan bertaraf *Multinational Company* (MNC); dan
- iii. Industri/perusahaan mestilah mendaftar permohonan projek PPRN dengan melengkapkan borang yang disediakan (PPRN – B1).

##### 2.1.2 Kriteria Pertimbangan Permohonan

- i. Borang permohonan projek hendaklah lengkap (PPRN – B1);
- ii. Permasalahan mestilah jelas dan berbentuk teknikal / teknologi (*technological / technical problem*) bagi tujuan penambahbaikan dan penambahan nilai;
- iii. Produk atau proses yang bermasalah/perlu penambahbaikan telah dikomersialkan dan ada di pasaran;
- iv. Keutamaan diberi kepada projek yang boleh disiapkan dalam tempoh enam (6) bulan serta tidak melebihi 12 bulan;

- v. Tiada pembiayaan lain bagi projek yang sama;
- vi. Industri/perusahaan perlu bersedia menerima penyelesaian penyelidik yang dipadankan;
- vii. Kementerian akan membiayai sebahagian daripada kos keseluruhan projek PPRN dan industri/perusahaan perlu bersedia untuk turut bersama-sama membiayai kos pelaksanaan projek. Walau bagaimanapun, had maksimum pembiayaan Kementerian adalah sebanyak RM50,000 setiap projek;
- viii. Pembiayaan tidak melebihi tiga (3) projek pada satu-satu masa; dan
- ix. Keputusan permohonan adalah muktamad

## **2.2 Penyelidik**

### **2.2.1 Syarat Umum Permohonan**

- i. Permohonan terbuka kepada ahli akademik dan bukan akademik;
- ii. Ketua penyelidik dan penyelidik merupakan pekerja bertaraf tetap atau kontrak di Institusi Pendidikan Tinggi atau Institusi Penyelidikan;
- iii. Tempoh perkhidmatan ketua penyelidik dan penyelidik hendaklah berbaki sekurang-kurangnya enam (6) bulan daripada tarikh projek bermula;
- iv. Ketua penyelidik mestilah warganegara Malaysia;

- v. Ketua penyelidik bukan dalam tempoh cuti belajar/ sabbatical/ menyambung pengajian/ latihan industri atau yang sama taraf dengannya; dan
- vi. Penyelidik yang mengetuai tiga (3) projek dan masih dalam pelaksanaan, tidak dibenarkan membida projek baru sehingga projek sedia ada selesai.

### **2.2.2 Kriteria Pertimbangan Permohonan**

- i. Kertas cadangan yang dikemukakan perlu lengkap dan dihantar pada masa yang ditetapkan (PPRN – C2);
- ii. Projek boleh melibatkan apa-apa bidang sains gunaan atau kejuruteraan;
- iii. Mencadangkan implikasi kos dan tempoh projek yang efektif serta penyelesaian yang praktikal dan cepat;
- iv. Penyelidik tidak mempunyai konflik kepentingan (*conflict of interest*) terhadap perniagaan dan projek yang dipohon; dan
- v. Keputusan permohonan adalah muktamad.

## BAHAGIAN 3

### PENILAIAN

#### 3.1 Jawatankuasa PPRN

- 3.1.1 Permohonan PPRN akan dinilai oleh Jawatankuasa Penelitian dan Pemadanan yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini diketuai oleh seorang pengerusi dan dianggotai oleh beberapa orang Ahli Jawatankuasa yang diiktiraf sebagai pakar dalam bidang-bidang berkaitan.
- 3.1.2 Penilaian oleh Jawatankuasa Penelitian dan Pemadanan adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang dinyatakan di Bahagian 2 serta melihat kepada kesesuaian penyelesaian masalah, kos yang lebih efektif dan masa yang singkat.
- 3.1.3 Jawatankuasa Penelitian dan Pemadanan memperakukan permohonan projek yang telah dinilai kepada Jawatankuasa Teknikal PPRN yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia untuk diluluskan.

#### 3.2 Projek yang tidak dipertimbangkan

PPRN merupakan program yang hanya melibatkan inovasi produk dan inovasi proses sahaja. Berikut adalah antara projek yang tidak dipertimbangkan oleh PPRN;

- i. Permasalahan yang melibatkan penyelesaian *off-the-shelf solutions* atau penyelesaian teknologi telah ada dipasaran.
- ii. Permasalahan yang melibatkan pemasaran dan pengurusan perniagaan.

- iii. Produk yang memerlukan penyelesaian masih dalam fasa pembangunan dan belum dikomersilkan.
- iv. Projek yang berbentuk penyelidikan asas (*fundamental*) dan eksploratif.
- v. Projek yang berbentuk ujian klinikal.
- vi. Projek yang berbentuk perundingan semata-mata.
- vii. Projek yang melibatkan persijilan seperti Halal, ISO dan lain-lain.
- viii. Projek yang melibatkan perjalanan ke luar negara.
- ix. Projek yang melibatkan pembelian fasiliti dan aset sebagai penyelesaian.
- x. Projek yang di luar skop PPRN.

### **3.3 Penaziran**

- 3.3.1 PPRN menawarkan geran pepadanan projek inovasi berpacuan permintaan dengan pecahan komitmen tertentu antara PPRN dan industri/perusahaan, pelaksanaan projek adalah perlu teratur dan dilaksanakan dengan baik.
- 3.3.2 Penaziran boleh dilakukan oleh Sekretariat PPRN di Kementerian atau Pusat Pengurusan Projek PPRN di Peringkat Institusi.
- 3.3.3 Sekiranya pelaksanaan projek tersebut dikategorikan di dalam para 4.4, Kementerian berhak mengambil tindakan penalti sepertimana yang dinyatakan dalam para 4.4.

## BAHAGIAN 4

### PEMANTAUAN

#### 4.1 Prestasi Kemajuan Projek

4.1.1 Bagi memastikan geran yang diberikan digunakan sebaiknya, pihak Kementerian akan melaksanakan pemantauan projek dengan kedua-dua pihak perlu mematuhi tanggungjawab masing-masing seperti mana berikut;

- i. Industri/Perusahaan
  - a. Mengisi Borang Maklumbalas Awal Kemajuan Projek yang disediakan (PPRN – E1);
  - b. Mengisi Borang Maklumbalas Akhir Projek (PPRN – E2); dan
  - c. Mengisi Borang Kaji Selidik Produktiviti daripada Malaysia Productivity Corporation (MPC) dan agensi/institusi/individu yang mendapat kelulusan daripada pihak Kementerian Pendidikan Tinggi.
- ii. Penyelidik
  - a. Mengisi dan menghantar Laporan Kemajuan Projek (PPRN – E3) dengan pengesahan daripada Pusat Pengurusan Projek PPRN kepada Sekretariat pada tarikh yang telah ditetapkan;

- b. Mengisi dan menghantar Laporan Akhir Projek (PPRN – E4) dengan pengesahan oleh Pusat Pengurusan Projek PPRN kepada Sekretariat pada tarikh yang telah ditetapkan;
- c. Menyediakan rakaman video pendek kejayaan pelaksanaan projek dan dihantar bersekali dengan Laporan Akhir Projek.

4.1.2 Sekretariat PPRN akan mengeluarkan Surat Penamatan Projek setelah Jawatankuasa Penelitian dan Pemadanan Teknikal berpuas hati dengan pencapaian projek oleh kedua-dua pihak.

## **4.2 Prestasi Kewangan**

- 4.2.1 Dalam pelaksanaan Projek PPRN ini, Kementerian dan Industri/Perusahaan akan membiayai kos projek mengikut pecahan sepertimana pada para 1.6.3, namun sumbangan Kementerian adalah sehingga maksimum RM50,000 sahaja untuk setiap projek.
- 4.2.2 Sebagai panduan perbelanjaan implikasi kos keseluruhan yang diluluskan, 70% daripadanya hendaklah diutamakan untuk kos pembangunan projek, 25% untuk bayaran profesional kepada penyelidik dan 5% untuk kos pentadbiran kepada institusi.
- 4.2.3 Penyaluran penuh bagi pembayaran profesional penyelidik sehingga maksimum 25% boleh dibuat setelah projek yang dilaksanakan berjaya ditamatkan dengan kelulusan daripada Pusat Pengurusan Projek PPRN di Institusi berkenaan.
- 4.2.4 Pusat Pengurusan Projek PPRN boleh menggunakan peruntukan bayaran pentadbiran institusi sehingga maksimum 5% bagi pengurusan projek termasuk melantik staf bertaraf kontrak untuk menguruskan semua projek PPRN, bayaran pengurusan perjanjian

projek, bayaran proses pengurusan *intellectual property* (IP) dan proses pengurusan pengkomersilan hasil projek.

- 4.2.5 Bagi pelaksanaan pengurusan kewangan di peringkat Institusi untuk projek PPRN ini, pihak Kementerian menetapkan kaedah pengurusan kewangan semua projek PPRN sepertimana pada para 4.2.2 dan tertakluk kepada peraturan kewangan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa.
- 4.2.6 PPRN menggalakkan pelaksanaan projek yang cepat, penyelidik adalah dibolehkan untuk mendahulukan penggunaan wang dan membuat tuntutan balik. Walaubagaimana pun, penyelidik perlu mengikut kaedah dan peraturan kewangan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa.
- 4.2.7 Penggunaan peruntukan projek bagi para 3.2 (viii) iaitu perjalanan ke luar negara dan para 3.2 (ix) iaitu pembelian fasiliti dan aset adalah tidak dibenarkan.
- 4.2.8 Sekiranya geran projek berkenaan masih berbaki setelah projek selesai, penyelidik dibenarkan menggunakan baki peruntukan tersebut untuk menjalankan apa-apa kajian atau latihan berkaitan pembangunan produk projek berkenaan dengan kelulusan Pusat Pengurusan Projek PPRN di Institusi masing-masing sekiranya wajar dan bersesuaian.

### **4.3 Pelanjutan Tempoh Projek**

Sekiranya penyelidik mendapati projek yang akan dilaksanakan tersebut tidak mengikut garis waktu (*timeline*) yang ditetapkan, penyelidik menerusi Pusat Pengurusan Projek PPRN di Institusi boleh memohon pelanjutan tempoh dengan justifikasi yang kukuh serta memenuhi syarat-syarat berikut;

- i. Penyelidik perlu memohon pelanjutan projek sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tamat tempoh projek;

- ii. Penyelidik perlu mendapatkan persetujuan permohonan pelanjutan projek dari rakan kerjasama industri/perusahaan;
- iii. Tempoh maksimum pelanjutan projek yang dibenarkan adalah tidak melebihi separuh daripada tempoh asal projek; dan
- iv. Tempoh keseluruhan projek termasuk pelanjutan adalah tidak boleh melebihi 12 bulan.

#### **4.4 Pengendalian projek bermasalah**

Projek bermasalah dikategorikan kepada dua (2); Projek Sakit dan Projek Gagal. Berikut adalah masalah dan penalti yang akan dikenakan namun, pindaan/penambahan penalti tertakluk kepada permasalahan yang akan ditentukan oleh Jawatankuasa Teknikal PPRN dari masa ke semasa.

- i. Projek Sakit

- a. Sesuatu projek yang diberikan kepada penyelidik namun projek tersebut tidak mempunyai kemajuan, projek tersebut akan ditamatkan serta penyelidik / rakan industri akan disenarai hitam untuk projek PPRN bagi tempoh satu tahun.
- b. Sebarang projek yang tidak mengikut spesifikasi tawaran, projek tersebut perlu disiapkan mengikut spesifikasi dengan pembiayaan IPT atau industri mengikut liabiliti masing-masing.
- c. Sesuatu projek yang dilaksanakan tidak mengikut jadual, projek tersebut perlu disiapkan dengan pembiayaan IPT atau industri mengikut liabiliti masing-masing.
- d. Sekiranya berlaku konflik antara penyelidik dan rakan industri/perusahaan, projek tersebut akan ditamatkan dengan kos kerugian ditanggung oleh kedua-dua pihak.

ii. Projek Gagal

- a. Sekiranya rakan kerjasama industri/perusahaan tidak dapat memberikan komitmen seperti dalam perjanjian, projek tersebut akan ditamatkan dan industri/perusahaan terlibat akan disenarai hitam untuk projek PPRN selama satu tahun.
- b. Sekiranya penyelidik tidak berjaya menyelesaikan permasalahan industri/perusahaan, penyelidik tidak boleh membida projek baru dalam tempoh tertentu dan tindakan institusi untuk menggantikan penyelidik baru, jika perlu.

## **BAHAGIAN 5**

### **KEPUTUSAN**

#### **5.1 Pemberitahuan Keputusan dan Pengagihan Peruntukan**

- 5.1.1 Surat kelulusan projek PPRN akan dihantar kepada penyelidik dan industri/perusahaan serta disalinkan kepada Pusat Pengurusan Projek PPRN di Institusi penyelidik.
- 5.1.2 Pihak Kementerian akan memaklumkan kepada Penyelidik setelah penyaluran peruntukan ke Institusi dibuat dan disalinkan kepada Pusat Pengurusan Projek di Institusi berdasarkan jumlah peruntukan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Teknikal PPRN.
- 5.1.3 Garis Panduan ini adalah terpakai untuk semua projek PPRN berkuatkuasa mulai 1 Mac 2015.
- 5.1.4 Keputusan Jawatankuasa Teknikal PPRN adalah muktamad.

## **BAHAGIAN 6**

### **PERANAN**

#### **6.1 Peranan dan Tanggungjawab Industri/Perusahaan**

- i. Memberikan maklumbalas setuju terima tawaran dengan mengisi Borang PPRN – B2 pada masa yang ditetapkan oleh Kementerian;
- ii. Mengemukakan maklumbalas awal kemajuan projek (PPRN –E1) pada pertengahan projek dan maklumbalas akhir (PPRN –E2) selepas penyerahan teknologi daripada penyelidik;
- iii. Memberikan komitmen pembiayaan sebagaimana yang dipersetujui dalam setuju terima tawaran;
- iv. Memberikan kerjasama sewajarnya terhadap pelaksanaan projek termasuk memberi akses fasiliti, premis dan maklumat berkaitan projek kepada penyelidik;
- v. Menerima lawatan tapak bagi projek yang terpilih dan mengambil bahagian dalam kaji selidik oleh Sekretariat dan wakil Malaysia Productivity Corporation (MPC) yang dilantik untuk kajian produktiviti sepertimana pada para 4.1.1 (c);
- vi. Menghadiri Sesi pembentangan kepada Jawatankuasa Penelitian dan Pemanduan Teknikal bagi projek yang tidak menerima lawatan tapak daripada Sekretariat dan wakil MPC; dan
- vii. Menjaga kerahsiaan maklumat yang diperolehi daripada penyelidik dan PPRN.

## 6.2 Peranan dan Tanggungjawab Penyelidik

- i. Memberikan maklumbalas setuju terima tawaran pada masa yang ditetapkan (PPRN – A2);
- ii. Mengemukakan laporan kemajuan projek (PPRN – E3) dan laporan akhir projek (PPRN – E4) dengan pengesahan oleh institusi pada masa yang ditetapkan dalam surat tawaran yang dikeluarkan oleh Kementerian;
- iii. Menyiapkan projek dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- iv. Sentiasa memaklumkan rakan kerjasama industri/perusahaan tentang kemajuan projek;
- v. Menjaga kerahsiaan maklumat yang diperolehi daripada industri/perusahaan dan PPRN (PPRN – C1); dan
- vi. Menghadiri Sesi pembentangan kepada Jawatankuasa Penelitian dan Pemanduan bagi projek yang tidak menerima lawatan tapak daripada Sekretariat dan wakil MPC.

## 6.3 Peranan dan Tanggungjawab Institusi

- i. Pusat Pendaftaran Permohonan Projek PPRN  
(*Focal Point* : Pusat Keusahawanan IPT)
  - a. Memastikan borang permohonan Industri/Perusahaan (PPRN – B1) adalah lengkap;
  - b. Membantu Industri/Perusahaan dalam urusan pendaftaran dan kemukakan kepada Sekretariat PPRN Kementerian;

- c. Memastikan permasalahan industri/perusahaan jelas, berbentuk teknikal/teknologi (*technological/technical problem*) dan memenuhi skop projek PPRN; dan
- d. Membantu Sekretariat PPRN di KPT mempromosi dan mendapatkan penyertaan industri/perusahaan yang mempunyai permasalahan teknikal/teknologi (*technological/technical problem*).


ii. Pusat Pengurusan Projek PPRN

(*Focal Point* : Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi IPT)

- a. Mengedarkan permasalahan teknologi daripada Sekretariat PPRN Kementerian kepada penyelidik yang berpotensi;
- b. Memastikan penyelidik memenuhi syarat kelayakan permohonan;
- c. Memastikan penyelidik menyediakan kertas cadangan penyelesaian (PPRN – C2) yang lengkap;
- d. Memastikan penyelidik melaksanakan projek PPRN mengikut terma, syarat dan garis masa yang ditetapkan;
- e. Menguruskan dana pembiayaan PPRN sewajarnya;
- f. Memastikan kerja projek telah diselesaikan sebelum bayaran profesional penuh 25% dibayar kepada penyelidik;
- g. Mengesahkan laporan kemajuan projek (PPRN – E3) dan laporan akhir projek (PPRN – E4) penyelidik;
- h. Mengemukakan laporan berkala kepada Sekretariat PPRN mengenai status projek PPRN di institusi masing-masing;

- i. Menguruskan isu teknikal berbangkit seperti pemilikan harta intelek (IP) dan lain-lain yang berkaitan; dan
- j. Memastikan industri/perusahaan turut memberikan komitmen sewajarnya dalam pelaksanaan projek sebagaimana terma dan syarat yang dipersetujui.

**CARTA ALIR PELAKSANAAN PPRN**



**GARIS PANDUAN BAGI DEFINISI BAHARU PERUSAHAAN KECIL DAN  
SEDERHANA (PKS)**

SEKTOR	PKS	MIKRO	KECIL	SEDERHANA
Pembuatan	<RM50 juta <200 orang	<RM300,000 <5 orang	RM300,000- <RM15 juta 5-75 orang	RM15 juta- <RM50juta 75-200 orang
Perkhidmatan	<RM20 juta <75 orang	<RM300,000 <5 orang	RM300,000- <RM3 juta 5-30 orang	RM3 juta- <RM20 juta 30-75 orang
Pertanian Asas	<RM20 juta <75 orang	<RM300,000 <5 orang	RM300,000- <RM3 juta 5-30 orang	RM3 juta- <RM20 juta 30-75 orang
Pembinaan	<RM20 juta <75 orang	<RM300,000 <5 orang	RM300,000- <RM3 juta 5-30 orang	RM3 juta- <RM20 juta 30-75 orang
Perlombongan dan Pengkuarian	<RM20 juta <75 orang	<RM300,000 <5 orang	RM300,000- <RM3 juta 5-30 orang	RM3 juta- <RM20 juta 30-75 orang

**NOTA:**

Sesebuah perniagaan diklasifikasikan sebagai PKS jika memenuhi salah satu daripada dua kriteria kelayakan iaitu nilai jualan tahunan atau bilangan pekerja sepenuh masa, mana-mana yang lebih rendah.

**SUMBER :**

SME Corp. Malaysia, Oktober 2013

# LAMPIRAN

1. Borang PPRN – B1 (Borang Pendaftaran Syarikat)
2. Borang PPRN – C1 (*Non – Disclosure Agreement Form*)
3. Borang PPRN – E3 (Laporan Kemajuan Projek)
4. Borang PPRN – E4 (Laporan Akhir Projek)



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



**MAKLUMAT SYARIKAT  
PENDAFTARAN PERMOHONAN SYARIKAT**

1. Nama Syarikat <i>Company Name</i>	:	
2. Alamat Syarikat <i>Company Address</i>	:	
3. Nombor Pendaftaran Syarikat <i>Company Registration No.</i>	:	
4. Tarikh Pendaftaran Syarikat <i>Company Registration Date</i>	:	
5. Bilangan pekerja sepenuh masa <i>No. of full time employees</i>	:	
6. Bilangan pekerja lepasan ijazah <i>Number of employees with degrees</i>	:	
7. Bilangan Pekerja <i>No. of Employees</i>	:	(    ) Warganegara Malaysia / <i>Citizen</i> (    ) Bukan Warganegara / <i>Non Citizen</i>
8. Jumlah jualan tahunan pada 2015 <i>Sales turn over in year 2015</i>	:	
9. Jangkaan jualan tahunan pada 2016 <i>Expected sales turn over in year 2016:</i>	:	
10. Jenis perniagaan didaftarkan <i>Type of Business</i>	:	*please √  (    ) Pembuatan / <i>Manufacturing</i> (    ) Perkhidmatan / <i>Services</i> (    ) Pertanian Asas / <i>Primary Agriculture</i> (    ) Pembinaan / <i>Construction</i> (    ) Perlombongan & Pengkuarian / <i>Mining &amp; quarrying</i> (    ) Lain-lain.
11. Jenis pemilikan perniagaan <i>Type of business ownership</i>	:	*please √  (    ) Enterprise (Tunggal) (    ) Partnership (Perkongsian) (    ) Private limited (Sendirian berhad) (    ) Limited liability (Perkongsian liabiliti terhad)

<b>12. Produk/ perkhidmatan utama</b> <b>Main product/ services</b>	:	
<b>13. No. Tel</b> <b>Phone No.</b>	:	
<b>14. Emel</b> <b>E-mail Address</b>	:	
<b>15. Nama Pemilik Syarikat</b> <b>Company Owner</b>	:	
<b>16. Pengarah Syarikat</b> <b>Company Director</b>	:	
<b>17. Nama &amp; No. tel Pegawai untuk dihubungi</b> <b>Person in Charge &amp; Contact No.</b>	:	

Tarikh:

Tandatangan & Cop Rasmi Syarikat:

.....

**Maklumat Masalah/ Isu Berkaitan Teknologi**  
**Description of technological problem**

1. Latar belakang produk/ perkhidmatan yang memerlukan penambahbaikan.  
*Background of product/ services that needs improvement.*

**2. Masalah/isu yang dihadapi dan keperluan syarikat:**

**Jelaskan masalah/isu yang dihadapi oleh syarikat.**

***Problem statement:***

***Explain in non-technical jargon the nature of the technological problem/needs of the company.***

**Penyelesaian Teknologi sedia ada di pasaran**  
**Solution available in the market**

3. **Jelaskan penyelesaian teknologi yang terdapat di pasaran.**  
*Describe what alternatives to the technological solution found in the market.*

**4. Nyatakan pendapat anda mengapa penyelesaian sedia ada di pasaran tidak memenuhi keperluan syarikat**

Contoh: penyelesaian sedia ada tidak memenuhi keperluan syarikat, penyelesaian sedia ada tidak kos efektif, tidak boleh diubahsuai, syarikat tidak mempunyai kepakaran, tidak bertepatan dengan kapasiti pengeluaran dan lain-lain.

***Describe why, in your opinion, the market does not provide the ideal solution***

***e.g: not cost effective, the company requires greater customization than what the market provides, the market solution is too complex/ inflexible, the company needs the solution more promptly than what the market can provide, companies are lacking of expertise, does not match the production capacity and others.***

**NON-DISCLOSURE AGREEMENT  
CONFIDENTIAL INFORMATION OF DEMAND-DRIVEN INNOVATION PROJECT  
BY PUBLIC-PRIVATE RESEARCH NETWORK**

BETWEEN

**MINISTRY OF HIGHER EDUCATION MALAYSIA  
d/a ENTREPRENEURSHIP UNIT  
LEVEL 13, NO. 2, TOWER 2, P5/6  
AVENUE 5, PRECINCT 5  
62000 W.P. PUTRAJAYA**

AND

**Name** :  
**NRIC / Passport No.** :

**I (RECEIVED PARTY)** hereby agree to use confidential information solely in connection with the current all contemplate business relationship between the party and not for any purpose other than as authorized without the prior concern of an authorized representative of **Ministry of Higher Education (MOHE)** (disclosing party). No other right or license whether express or implied, in the confidential information granted to the receiving party hereunder. Title to the confidential information will remain solely in the MOHE. All use of confidential information by the receiving party shall be for the benefit of MOHE and any modification and improvements thereof by the receiving party shall be the sole property of MOHE.

Signed by (*Receiving Party*)

.....  
**Name** :  
**NRIC / Passport No.** :  
**Designation** :  
**Institution** :

**Contact No.** :  
**Date** :



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

## PROGRESS REPORT DEMAND-DRIVEN INNOVATION PROJECT

**A**

**PROJECT TITLE** :

**COMPANY NAME** :

**RESEARCH INSTITUTION** :

**PROJECT LEADER** :

**PROJECT MEMBERS** : 1.

2.

3.

### PROJECT ACHIEVEMENT

ACHIEVEMENT PERCENTAGE				
<b>B</b> Project progress according to milestones achieved up to this period	0 - 25%	26 - 50%	51 - 75%	76 - 100%
Percentage ( <i>please state # %</i> )				
PROJECT OUTPUT				
Fully Solved Problem ( <i>% completion</i> )				
Intellectual Property ( <i>if, any</i> )				

### EXPENDITURE\*\*

**C**

**Budget Approved** : RM

**Amount Spent** : RM

\_\_\_\_\_

**Balance** : RM

**Percentage of Amount Spent** : %

**SUMMARY OF PROJECT FINDINGS / PROBLEM SOLVED \*\*** (*Researcher may attach separate additional report, if any*)

D

**PROBLEMS / CONSTRAINTS IF ANY**

E

**PLAN OF ACTION** (*How to solve the problem/constraint*)

F

Date :

Project Leader's Signature:

**COMMENTS, IF ANY / ENDORSEMENT BY THE DESIGNATED AUTHORITY OF THE INSTITUTION (e.g. RMC/HoD)**

**G**

.....

.....

.....

**Name:**

**Signature:**

**Date:**

**\*\* Note:** Researcher may attach supporting documents and separate additional report, if any.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

## FINAL REPORT DEMAND-DRIVEN INNOVATION PROJECT

**A**

**PROJECT TITLE** :

**COMPANY NAME** :

**RESEARCH INSTITUTION** :

**PROJECT LEADER** :

**PROJECT MEMBERS** : 1.  
2.  
3.

### PROJECT ACHIEVEMENT

**B**

ACHIEVEMENT PERCENTAGE				
Project progress according to milestones achieved up to this period	0 - 25%	26 - 50%	51 - 75%	76 - 100%
Percentage (please state # %)				

### EXPENDITURE \*\*

**C**

**Budget Approved** : RM \_\_\_\_\_

**Amount Spent** : RM \_\_\_\_\_

**Balance** : RM \_\_\_\_\_

**Percentage of Amount Spent** : \_\_\_\_\_ %

### DESCRIPTION OF PROJECT OUTPUT INCLUDING ADOPTION OF SOLUTION \*\* ( *Researcher may attach seperate additional report, if any* )

**D**

**PROBLEMS / CONSTRAINTS IF ANY**

E

**GENERAL COMMENTS**

F

Date :

Project Leader's Signature :

**COMMENTS, IF ANY/ ENDORSEMENT BY THE DESIGNATED AUTHORITY OF THE INSTITUTION**  
(e.g. RMC/HoD)

G

.....  
.....  
.....

Name :

Signature :

Date :

**\*\* Note:** Researcher may attach supporting documents and separate additional report, if any.



Sekretariat PPRN  
d/a Unit Keusahawanan  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
No. Tel.: 03-8870 5085/5090/5101  
Emel : [pprn@mohe.gov.my](mailto:pprn@mohe.gov.my)  
Laman web : [www.pprn.mohe.gov.my](http://www.pprn.mohe.gov.my)